


[MAIN](#)
[GENERAL](#)
[POLITICS](#)
[BUSINESS](#)
[SPORTS](#)
[FEATURES](#)
[WORLD](#)
[Home](#) | [About BERNAMA](#) | [Sitemap](#) | [Contact Us](#) | [Full News List](#) | [Archived News](#)
[A+](#) | [A-](#) | [Reset](#)
[Malay](#) | [English](#) | [中文](#) | [العربية](#)
BERNAMA.COM
main

SEARCH
GO

July 31, 2009 19:02 PM

Bank Tempatan Masih Ambil Pekerja, Kata FSTEP

Oleh Nurul Jannah Kamaruddin

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Bank-bank tempatan masih giat mengambil kakitangan baru meskipun dalam kelembapan ekonomi disebabkan krisis kewangan global sekarang, kata ketua Program Memperkaya Bakat Sektor Kewangan (FSTEP), Lee Khee Joo.

Lee berkata ini terbukti melalui minat mendalam yang ditunjukkan oleh bank-bank dalam mengambil lepasan FSTEP.

Beliau berkata kesemua 290 peserta daripada pengambilan pertama yang tamat latihan Disember tahun lepas berjaya mendapat pekerjaan dalam sektor perkhidmatan kewangan dan bukan kewangan.

Lee berkata institusi kewangan juga telah mengambil bekerja pelajar kumpulan kedua FSTEP, yang baru sahaja menamatkan latihan pada akhir Jun tahun ini.

"Bank-bank ini masih mengambil pekerja. Ini dapat dilihat melalui cara mereka mengambil orang kami," katanya kepada Bernama dalam satu wawancara baru-baru ini.

Kata Lee, pengambilan ketiga, terdiri daripada 108 peserta dan pengambilan keempat, mengandungi 79 peserta, masih menjalani latihan.

"Program ini boleh dikatakan berjaya berdasarkan bilangan peserta yang telah mendapat pekerjaan dalam sektor perkhidmatan kewangan," katanya.

Sementara itu, kata Lee, Skim Prapemilihan Sektor Kewangan yang dilancarkan April lalu, telah menarik 18 institusi kewangan.

Beliau berkata 39 daripada kesemua 79 peserta dari pengambilan keempat, ditaja oleh organisasi kewangan.

"Kesemua 39 peserta ini dijangka diserap oleh 18 institusi ini apabila mereka menamatkan program mereka Disember tahun ini," katanya.

Skim itu membolehkan institusi kewangan memilih calon mereka sendiri untuk menyertai program itu.

FSTEP, yang dilancarkan pada September 2007, merupakan satu program perintis yang dirumus bagi mengatasi kekurangan bakat berkemahiran dalam industri perkhidmatan kewangan.

Ia merupakan cetusan ilham gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Seramai 496 peserta dari pengambilan pertama dan kedua telahpun tamat latihan.

Program setahun itu diuruskan oleh Institut Bank-Bank Malaysia.

Ia meliputi empat aliran teras, iaitu perbankan konvensional, perbankan pelaburan, perbankan Islam serta insurans dan takaful.

Peserta menjalani kursus intensif bahasa Inggeris selama sebulan dan selepas itu mereka melalui latihan dalam bilik darjah selama enam bulan.

Ini kemudian diikuti oleh latihan amali dengan institusi kewangan.

Mereka akan juga menjalani pelbagai program pembangunan peribadi serta kegiatan Bina Semangat untuk memupuk daya tahan diri, semangat sepasukan dan sifat-sifat kepimpinan.

Selepas tamat latihan, peserta-peserta berpeluang diambil bekerja oleh institusi kewangan yang menaja mereka.

-- BERNAMA

**We provide (subscription-based)
news coverage in our [NewsWire](#) service.**



Other News

National Classical Artists Bring Dignity To Country's Culture

Reality TV Programmes Can Help Unearth New Talent

Harimau Muda Win Premier League Title, T-team, Johor Finish Second And Third

Mun Yee, Pandelega Looking For Unison And Precision In Partnership

Organise Multiracial Activities Call To M'sian Students Abroad

advertisement

Advertise Here!
Please contact us for subscription
250 x 250 pixels